

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

**<http://www.parlimen.gov.my>**

**HARI ISNIN, 10 NOVEMBER 2008, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 58**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1213-L14999  
**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [ Alor Gajah ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menjadikan Bursa Malaysia lebih menarik kepada syarikat-syarikat baru berbanding dengan bursa-bursa lain seperti Singapura dan Hong Kong. Apakah jumlah syarikat baru yang disenaraikan di Bursa Malaysia, Singapura dan Hong Kong.
  
2. PR-1213-L15670  
**Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sebab kegagalan Kerajaan melaksanakan dan menguatkuasakan kegunaan sistem tambang bermeter untuk perkhidmatan teksi, terutamanya di bandar-bandar pelancongan seperti Pulau Pinang, Melaka dan Johor Bahru dan juga tempat tertentu di Lembah Klang seperti perhentian bas Pudu Raya dan KL Sentral.
  
3. PR-1213-L14959  
**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
  - (a) sejauh manakah kesan sampingan terhadap kenaikan harga petrol ke atas golongan berpendapatan rendah yang menggunakan motosikal baru-baru ini; dan
  - (b) apakah usaha pihak Kementerian dalam memantau keselamatan dan kebajikan penunggang motosikal dalam situasi ekoran daripada kenaikan harga petrol yang mendadak kebelakangan ini.

4. PR-1213-L16460  
**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah peratusan penyelesaian yang dicapai bagi Permohonan Prosiding Pendamaian (reconciliation proceedings) iaitu sebanyak 21,618 kes yang dirujuk di bawah Seksyen 106 Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 (Akta 164) bagi tahun dari tahun 2004, 2005 dan 2006.
5. PR-1213-L15900  
**Datuk Juslie Bin Ajirol [ Libaran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kelayakan hakim-hakim syarie dalam menyelesaikan kes-kes syarie yang banyak tertangguh dan berapakah jumlah kes syarie yang tertunggak sejak tahun 2006.
6. PR-1213-L15409  
**Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [ Pendang ]** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan berapakah kadar radiasi bukan pengionan (non ionic radiation) yang dibenarkan di dalam menara telekomunikasi dan kadar selamat antarabangsa serta bagi setiap alat telefon bimbit yang dibenarkan.
7. PR-1213-L14839  
**Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [ Batang Sadong ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk melengkapkan golongan wanita dengan kemahiran keusahawanan terutama sekali dalam bidang pemasaran dan perakaunan perniagaan.
8. PR-1213-L16461  
**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [ Balik Pulau ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pendirian Kerajaan serta langkah-langkah untuk membantu pasangan di mana suami ataupun isteri rakyat Malaysia yang pasangan adalah warganegara asing yang menetap di Malaysia bagi memperoleh status penduduk tetap bagi mengelakkan berlaku masalah status satu pihak yang akan menjejaskan kebajikan anak-anak yang lahir daripada perkahwinan campur.
9. PR-1213-L16199  
**Datuk Dr Tekhee @ Tiki anak Lafe [ Mas Gading ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kemajuan terkini Kolej Komuniti di seluruh negara dari segi kemudahan pembelajaran, tenaga pengajar, penerimaan masyarakat, 'relevancy' kursus yang diajar, employability graduan dan adakah mekanisme digunakan untuk memastikan program ini tidak akan menyumbang kepada masalah graduan menganggur.

10. PR-1213-L15336  
**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [ Ampang ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada Kementerian itu bersedia membekalkan komputer riba berkost rendah secara percuma seperti projek "One Laptop Per Child" (OLPC) yang dibuat oleh negara maju bagi menggalakkan penguasaan ICT di kalangan pelajar.
11. PR-1213-L15037  
**Tuan Haji Ahmad bin Haji Maslan [ Pontian ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah dan peratusan syarikat pengeksport Bumiputera, bidang-bidang perniagaan utama yang terlibat dan apakah langkah-langkah berkesan bagi jangka masa pendek dan panjang untuk menambah secara berlipat ganda jumlah pengeksport Bumiputera.
12. PR-1213-L14966  
**Tuan Haji Ahmad bin Kasim [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan mengenai tangga gaji dan elaun kakitangan di Pos Malaysia Berhad yang terkini dan bilakah kali terakhir gaji dan elaun mereka disemak.
13. PR-1213-L16279  
**Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [ Sipitang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Perkembangan pelaksanaan akta / Enakmen pengawalan Pengembangan Ajaran bukan Islam kepada orang-orang Islam di negeri-negeri Malaysia.
14. PR-1213-L15874  
**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah keluarga rakyat miskin dan miskin tegar mengikut negeri-negeri dan anggaran bilangan keluarga yang akan dikategorikan sebagai keluarga miskin di seluruh negara jika pendapatan bulanan isi rumah dinaikkan ke paras RM1500 bagi kawasan bandar dan RM1200 bagi kawasan luar bandar.
15. PR-1213-L15965  
**Datuk Md.Sirat bin Abu [ Bukit Katil ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh mana keselamatan pelajar-pelajar di semua jenis sekolah terjamin. Berikan statistik kes-kes jenayah seperti rompakan, penculikan, ugutan, kemalangan jalan raya dan lain-lain yang telah berlaku di sekolah-sekolah di negara ini.
16. PR-1213-L16073  
**Tuan Manikavasagam A/L Sundaram [ Kapar ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar yang mendapat keputusan cemerlang SPM dan STPM mengikut pecahan kaum dan berapa ramai di antara mereka dapat memasuki universiti tempatan serta berikan pecahan mengikut kaum bagi tahun 2005, 2006 dan 2007.

17. PR-1213-L15890  
**Puan Tan Ah Eng [ Gelang Patah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah untuk menurunkan kadar inflasi yang semakin tinggi.
18. PR-1213-L15512  
**Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah kewajaran latihan bersama Polis dan Tentera yang diadakan baru-baru ini.
19. PR-1213-L16328  
**Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah pewujudan sayap swasta di hospital-hospital pengajar perubatan berjaya mengekalkan tenaga kerja doktor-doktor pakar daripada berhijrah ke sektor swasta (senaraikan jumlah penghijrahan sebelum dan selepas pelaksanaan)
20. PR-1213-L15280  
**Tuan Chua Tian Chang [ Batu ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan menyemak semula pemberian buku teks secara percuma kepada SJKC dalam Bahasa Cina bagi mata pelajaran Sains dan Matematik.
21. PR-1213-L15220  
**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil bagi memastikan golongan pekerja yang jumlahnya sebanyak 11 juta ini mendapat pembelaan sekiranya majikan tempat mereka bekerja menamatkan operasi.
22. PR-1213-L15367  
**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada sebarang tindakan telah diambil oleh pemaju projek-projek perumahan terbengkalai di Puchong dalam masa 2 bulan yang lalu dan sekiranya ada, apa tindakan-tindakan itu dan sekiranya tiada, kenapa.
23. PR-1213-L15906  
**Puan Norah binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :-
- (a) bilangan kelab malam, karaoke, disko dan rumah urut yang berlesen di Kuala Lumpur; dan
  - (b) berapa yang tidak berlesen.
24. PR-1213-L15801  
**Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [ Pulai ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menghapuskan duti eksais terhadap kenderaan yang diimport. Sila nyatakan sebab-sebabnya.

25. PR-1213-L14795  
**Datuk Chua Soon Bui [ Tawau ] MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** minta menyatakan :-
- (a) memandangkan kekurangan bekalan beras sentiasa berlaku di Sabah, terutamanya 15% beras bersubsidi (beras subsidi super 15) yang digunakan oleh keluarga-keluarga berpendapatan rendah, adakah Kementerian mempunyai sebarang pelan membenarkan pengimport beras oleh pengimport-pengimport di Sabah selain daripada pihak BERNAS; dan
  - (b) mengapakah amalan persaingan terbuka dalam pengimportan beras tidak dilaksanakan walaupun ia dapat mengurangkan harga beras.
26. PR-1213-L16095  
**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci nama dan jumlah kos terlibat dalam pembinaan masjid dan rumah beribadat bukan Islam mengikut negeri yang dibina oleh Kerajaan dari 2000 hingga 2008.
27. PR-1213-L15184  
**Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [ Sik ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah Kementerian sedar keadaan sebenar yang berlaku di dalam 2 anak syarikat milik RISDA (RISDA Plantation Sdn Bhd dan RISDA Pemasaran Sdn Bhd) mengenai berlakunya penyelewengan dalam pengurusan RISDA. Apakah dasar dan matlamat asal penubuhan RISDA untuk membantu petani dan peladang tidak penting lagi selepas diswastakan.
28. PR-1213-L14933  
**Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [ Pengkalan Chepa ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kewajaran Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan (JPPK) masih diteruskan di Kelantan memandangkan di negeri Sabah dalam proses pembubaran dan di negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor Kerajaan Persekutuan menyatakan sikap tidak akan menubuhkan Jabatan Persekutuan di negeri-negeri tersebut.
29. PR-1213-L15418  
**Tuan Raime Bin Unggi [ Tenom ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana kualiti kenderaan keluaran Proton sejak diperkenalkan di negara kita dan sehingga kini, berapakah jumlah kenderaan Proton mengikut jenis sejak tahun pertama keluarannya.

30. PR-1213-L15239  
**Tuan Manogaran a/l Marimuthu [ Telok Intan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah peruntukan yang diberikan kepada Ahli Dewan Rakyat kawasan Teluk Intan untuk dua penggal yang lalu; dan
  - (b) untuk projek-projek apakah di Teluk Intan peruntukkan tersebut disalurkan dan adakah peruntukan ini akan diteruskan dan diberi untuk penggal ini.
31. PR-1213-L15742  
**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberi subsidi minyak kepada golongan penternak dan nyatakan bentuk-bentuk insentif yang diberikan kepada penternak terutamanya penternak ruminan khususnya hasrat mencapai Dasar Daging Negara.
32. PR-1213-L15671  
**Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keadaan terkini tiga buah ARV Eagle yang dibangunkan oleh CTRM dan digunakan oleh TUDM. Adakah projek ini telah terbengkalai dan berapa jumlah kerugian.
33. PR-1213-L15214  
**Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [ Kota Raja ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa banyak peminjam wang berlesen di seluruh negara dan bagaimanakah Kerajaan bercadang untuk mengawal dan membanteras kegiatan peminjam haram atau along ini yang terus menerus mengiklankan perkhidmatan mereka dengan berleluasa.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Menyambung semula pertimbangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2009 (D.R.16/2008) dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2009 seperti berikut:-**

“ Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada lima puluh tiga bilion tujuh ratus dua puluh sembilan juta satu ratus empat puluh lima ribu ringgit (RM53,729,145,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2009, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Bajet Persekutuan 2009, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 41 Tahun 2008, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersementaraan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut. “

**Dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis (6 November 2008)**

- |    |                |  |                                   |
|----|----------------|--|-----------------------------------|
| 2. | (D.R. 13/2008) | Rang Undang-undang Indentifikasi Asid Deoksiribonukleik (DNA) 2008 – <b>Pertimbangan dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis. (28 Ogos 2008)</b> |                                   |
|    |                |  | <b>(Menteri Dalam Negeri)</b>     |
| 3. | (D.R. 12/2008) | Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2008  | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b>     |
|    |                |  | <b>(Menteri Pengajian Tinggi)</b> |
| 4. | (D.R. 14/2008) | Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2008.  | “                                 |
|    |                |  | <b>(Menteri Pengajian Tinggi)</b> |
| 5. | (D.R. 15/2008) | Rang Undang-undang Latihan Khidmat Negara (Pindaan) 2008.  | “                                 |
|    |                |  | <b>(Menteri Pertahanan)</b>       |
| 6. | (D.R. 19/2008) | Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2008.   | “                                 |
|    |                |  | <b>(Menteri Kewangan)</b>         |

7. (D.R. 17/2008) Rang Undang-undang Kewangan 2008 “  
**(Menteri Kewangan)**
8. (D.R. 18/2008) Rang Undang-undang Orang-Orang Papa  
(Pindaan) 2008 “  
**(Menteri Pembangunan Wanita,  
Keluarga dan Masyarakat)**

9. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

“ Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah Seksyen 5 Akta Persatuan Pembangunan Antarabangsa 1960, mengambil ketetapan bersetuju supaya Malaysia membuat sumbangan kepada Program Penambahan Semula Dana Persatuan Pembangunan Antarabangsa ke Lima Belas sebanyak RM7,327,324. “

10. PR-1213-U14748

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, sejak akhir-akhir ini, seluruh dunia dan tidak ketinggalan negara Malaysia, menghadapi masalah pencemaran alam sekitar yang amat serius. Dan mengambil maklum bahawa selain menyebabkan pencemaran alam sekitar, plastik telah menyumbang kepada kejadian banjir, takungan air yang menjadi tempat pembiakan nyamuk dan lain-lain lagi masalah yang boleh memudaratkan kesihatan dan keselamatan manusia sejagat. Dan mengambil maklum bahawa, dengan kemajuan teknologi yang terdapat pada ketika ini, terdapat banyak jenis plastik mesra alam atau bio-plastics yang boleh kita gunakan dengan selamat berbanding dengan plastik hasil petroleum. Dan mengambil maklum bahawa kita diberkati dengan bahan-bahan semula jadi bagi menghasilkan plastik mesra alam seperti polylactide acid (PLA) plastic, poly-3-Hydroxybutyrate (PHB) Polyamide 11 (PA 11) dan Bio-Derived Polyethylene. Maka dengan ini, dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk meminda satu akta yang mengharamkan penggunaan plastik hasil keluaran petroleum , dan menggantikan penggunaan plastik tersebut dengan plastik mesra alam."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

11. PR-1213-U14754

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa fenomena global warming menjadi sangat serius dan Malaysia tidak terkecuali daripada fenomena ini. Dan mengambil maklum bahawa, fenomena ini telah menjadi keraguan bagi seluruh dunia. Dan mengambil maklum bahawa mengikut kajian yang dijalankan di Amerika Syarikat pada tahun 2002, pelepasan Carbon Dioxide hasil daripada penjanaan kuasa elektrik menyumbang 40% daripada pelepasan Carbon Dioxide yang secara terus menyebabkan kerosakan ozon yang secara langsung pula menyebabkan kepanasan dunia. Dan mengambil maklum juga bahawa hari ini, pembakaran Fossil Fuel dan arang batu sebagai bahan bakar bagi penjanaan kuasa elektrik terbukti memudaratkan kehidupan manusia. Dan mengambil maklum bahawa terdapat banyak teknologi baru bagi menghasilkan tenaga elektrik seperti Pelamis Wave Energy Converter-Ocean Sources , Biomass Fuel, Geothermal Energy, Hydroelectric, Solar Energy, Wind Energy dan Fuel Cell. Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menggalakkan penggunaan sumber tenaga alternatif seperti yang disebutkan tadi, terutama sekali di kawasan yang tidak mendapat bekalan elektrik, misalnya di pulau-pulau di perairan negeri Sabah."

**(Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi)**

12. PR-1213-U14757

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa penstrukturan semula subsidi minyak telah membawa impak kepada mutu hidup rakyat. Dan mengambil maklum bahawa kesan penstrukturan ini juga telah menyebabkan Kerajaan menanggung kos subsidi yang lain bagi menstabilkan kesejahteraan hidup rakyat. Dan mengambil maklum bahawa penggunaan petrol sebagai bahan bakar (bagi kenderaan) telah meningkat dengan mendadak sekali. Dan mengambil maklum juga dengan rizab gas asli yang hampir mencapai 100 trilion kaki padu, penggunaan gas asli dalam Natural Gas Vehicle (NGV) haruslah dikembangkan di seluruh negara termasuklah di negeri Sabah dan Sarawak. Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menjadikan projek NGV ini sebagai projek nasional, yang mana ianya bukan sahaja dapat menjimatkan wang Kerajaan dari segi subsidi minyak tetapi juga dapat mengurangkan kesan pemanasan dunia."

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna)**

13. PR-1213-U15554  
**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini membincangkan kedudukan undang-undang dan kesesuaian Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 untuk mewujudkan KL sebagai Bandar Raya Bertaman Tropika dan Bertaraf Dunia. Dewan juga hendak membahaskan pelbagai aspek termasuk penggunaan tanah dan kepadatan kependudukan KL."
- (Menteri Wilayah Persekutuan)**
14. PR-1213-U15555  
**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini membahaskan setakat mana wujudnya kerjasama dari semua pihak dengan Institut Integriti Malaysia untuk meningkatkan integriti dan masalah dan menghapuskan rasuah di negara ini."
- (Perdana Menteri)**
15. PR-1213-U16405  
**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung sidang Dewan Rakyat melalui televisyen supaya rakyat boleh menonton ucapan para Ahli Berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang."
- (Menteri Penerangan)**
16. PR-1213-U16408  
**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan Tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan ahli Majlis Kerajaan Tempatan."
- (Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**
17. PR-1213-U16411  
**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."
- (Perdana Menteri)**

18. PR-1213-U16414

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya Diraja Pembaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)."

**(Menteri Dalam Negeri)**

19. PR-1213-U14923

**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menetapkan dengan seriusnya mengikut seksyen 4, Akta 144 Akta Pembangunan Petroleum 1974 agar Kerajaan negeri yang mengeluarkan minyak mentah dinaikkan royalti daripada 5% setelah dipersetujui oleh kedua-dua pihak kepada kadar 20%."

**(Perdana Menteri)**

20. PR-1213-U14926

**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mempertimbangkan untuk membincang supaya Kerajaan merancang serta menyusun semula kerjasama dengan semua negara-negara yang ada kaitan dengan pembangunan BIMP-EAGA agar negara-negara jiran ini dapat sama-sama membangun serentak untuk mengimbangkan pembangunan dengan negara yang kurang membangun. Penghijrahan pekerja daripada negara jiran sudah tentu dapat dibendung khususnya Pendatang Tanpa Izin (PTI) di Sabah dapat dikurangkan."

**(Perdana Menteri)**

21. PR-1213-U14928

**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincang dengan seriusnya agar perusahaan penanaman padi dapat digembleng dan dipertingkatkan. Kawasan-kawasan sesuai yang terbiar seharusnya diusahakan demi untuk menampung keperluan makanan utama kita. Kerajaan seharusnya mempertimbangkan bantuan kewangan serta nasihat teknikal dalam perusahaan yang murni ini."

**(Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani)**

22. PR-1213-U16495

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meluluskan ketetapan bahawa kerajaan persekutuan hendaklah memulihkan semula pilihan raya kerajaan tempatan di semua majlis / dewan bandar raya dan majlis perbandaran seluruh negara dengan mengambil tindakan meminda Perlembagaan Persekutuan dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 bagi maksud tersebut supaya perwakilan rakyat di dalam Kerajaan Tempatan dikembalikan semula selaras dengan amalan demokrasi berparlimen di Malaysia dan tuntutan rakyat sebagaimana yang dijemakan dalam keputusan Pilihan Raya Umum 2008 yang mencerminkan kehendak dan hasrat rakyat."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

23. PR-1213-U16496

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini bersetuju supaya Kerajaan Persekutuan membina sebuah Muzium memperingati kapitan Yap Ah Loy bagi mengenang jasa mendiang sebagai pembuka dan bapa pembangunan awal Kuala Lumpur untuk tatapan masyarakat Malaysia dan antarabangsa."

**(Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan)**

24. PR-1213-U16497

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membantah tindakan Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah membentuk JKKKP di kampung-kampung dalam negeri-negeri yang diperintah oleh kerajaan campuran Pakatan Rakyat kerana ia bertindan dengan JKKK sedia ada yang ditadbir oleh pejabat daerah di negeri-negeri tersebut menyebabkan rakyat berpecah-belah, berpuak-puak dan didiskriminasikan, sebaliknya merestui JKKK sedia ada dengan menyalurkan peruntukan secara sama rata dan adil."

**(Menteri Kemajuan Menteri Luar Bandar dan Wilayah)**

25. PR-1213-U16498

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini bersetuju untuk mendesak Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang dalam proses Draf Pelan Tempatan 2020 menetapkan dasar tegas untuk tidak mengambil tindakan di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 ke atas tanah-tanah milik persendirian di Kuala Lumpur bagi melaksanakan cadangan pelan yang bertentangan dengan kepentingan dan kehendak rakyat."

**(Menteri Wilayah Persekutuan)**

26. PR-1213-U14755  
**Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini hendaklah membahaskan perubahan dasar iaitu Sistem Pendidikan kini yang amat dipinggirkan dan tanda-tanda yang amat mudah dilihat ialah rendahnya anggaran peruntukan pendidikan yang disediakan untuk kaum bukan bumiputera. Pada masa yang akan datang, pengamalan yang negatif ini akan melumpuhkan kegiatan pengembangan dalam bidang pendidikan dan akibatnya akan mengalami stagnasi yang luar biasa untuk satu kaum. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan bagi menggalakkan dan memberikan peluang untuk reformasi bidang pendidikan di negara agar setiap generasi dan kaum dapat dibentuk sesuai dengan tuntutan zamannya dan bagi perubahan tersebut, kadar nisbah harus dimansuhkan dan pinjaman pendidikan harus dibuka kepada kesemua rakyat Malaysia yang layak untuk mendapatnya."

**(Menteri Pelajaran)**

27. PR-1213-U14756  
**Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa dengan ini Dewan hendaklah mengambil satu ketetapan untuk meminta Kerajaan Malaysia untuk membina 100 buah Sekolah Cina dan 50 buah Sekolah Tamil yang baru tanpa apa-apa keraguan perbezaannya dalam jangka masa yang singkat."

**(Menteri Pelajaran)**

28. PR-1213-U15524  
**Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya ditubuhkan majlis yang dinamakan Majlis Tindakan Perancangan Tenaga Negara (MTPTN) yang, antara lain akan membincangkan langkah-langkah pro-aktif Kerajaan untuk menghadapi kemungkinan berlakunya krisis harga bahan api fosil dunia yang sering kali di manipulasi oleh pasaran minyak mentah antarabangsa. Majlis ini akan berperanan mengikut terma-terma berikut berperanan mengenal pasti dan seterusnya melantik pakar-pakar dalam bidang-bidang berkaitan dari pihak Kerajaan, swasta, badan-badan bukan Kerajaan (NGOs) dan parti-parti politik menganggotai MTPTN, MTPTN berperanan mengemukakan Pelan Induk (Master Plan) untuk membolehkan Kerajaan membuat perancangan jangka pendek dan jangka panjang di dalam menghadapi apa jua kemungkinan yang melibatkan krisis harga minyak di pasaran dunia dan mengkaji dengan penuh tanggungjawab bagaimana penstrukturan subsidi minyak boleh diagihkan dengan lebih adil dan kompeten kepada golongan sasaran di negara ini."

**(Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi)**

29. PR-1213-U15526  
**Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya ditubuhkan satu Jawatankuasa Tertinggi peringkat kebangsaan bagi membolehkan Kerajaan melihat dan mengkaji semula peranan dan masa depan Sekolah-sekolah Agama Rakyat (SAR) yang semakin lumpuh akibat daripada sikap Kerajaan sendiri yang menghentikan pemberian bantuan per kapita pada tahun 2002."

**(Perdana Menteri)**

30. PR-1213-U15527  
**Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya dikaji prestasi dan kompetensi Ketua Polis Negara dan Peguam Negara yang semakin dipersoalkan kredibiliti mereka oleh rakyat pada masa ini. Oleh itu, satu Tribunal Khas hendaklah ditubuhkan segera bagi mengembalikan integriti pasukan polis dan Jabatan Peguam Negara dan seterusnya memulihkan kepercayaan rakyat terhadap sistem penguatkuasaan dan pendakwaan di negara ini."

**(Perdana Menteri)**

31. PR-1213-U15528  
**Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya satu kajian secara holistik hendaklah dijalankan terhadap kepekaan Kerajaan terhadap peranan golongan kurang upaya (OKU) di negara ini. Masih lagi terdapat banyak ruang yang memerlukan tindakan lebih serius Kerajaan untuk membela nasib dan masa depan golongan OKU ini. Ketidakpedulian pihak-pihak tertentu khususnya pihak swasta dan Kerajaan sendiri telah mengakibatkan golongan OKU tercicir terutama untuk mendapatkan hak mereka seperti peluang pekerjaan, kemudahan asas dan rawatan kesihatan."

**(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)**

32. PR-1213-U15530  
**Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya semua tanah rizab Melayu yang ditukar status untuk projek-projek Kerajaan Persekutuan dan negeri hendaklah disegerakan pengantiannya dengan kawasan lain yang mempunyai nilai harga yang sama."

**(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)**

33. PR-1213-U15531  
**Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya disegerakan semua usaha untuk memperbaiki serta meningkatkan pentadbiran, kebajikan dan pembangunan Orang Asli."

**(Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah)**

34. PR-1213-U14893  
**Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [ Batu Kawan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia untuk memainkan peranan yang lebih positif dalam proses mencari perdamaian di Selatan Thailand, Selatan Filipina dan Utara Sri Lanka. Pengalaman Malaysia dalam mentadbir dan mengurus kepelbagaian etnik dan agama boleh digunakan untuk mengagihkan pengetahuan yang berguna kepada negara-negara ini."

**(Menteri Luar Negeri)**

35. PR-1213-U14894  
**Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [ Batu Kawan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyedari iaitu kakitangan akademik di Institut-institut Pengajian Awam Negara adalah didominasi oleh satu golongan etnik. Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia untuk memastikan bahawa lebih ramai calon daripada golongan bukan bumiputera dilantik sebagai kakitangan akademik pada masa depan agar mencerminkan komposisi multi-etnik negara."

**(Menteri Pengajian Tinggi)**

36. PR-1213-U14896  
**Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [ Batu Kawan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia supaya mengambil langkah-langkah efektif untuk membina lebih banyak sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil demi menjaga kepentingan serta memenuhi keperluan masyarakat Cina dan India di negara ini."

**(Menteri Pelajaran)**

37. PR-1213-U15687  
**Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi RM100 juta oleh Kementerian Pertahanan, mesti di bahas di Parlimen dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara bagi mempertingkatkan integriti dan keberkesanan jangka panjang pembelian sistem pertahanan. "

**(Menteri Pertahanan)**

38. PR-1213-U15416  
**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan tuntutan Singapura untuk meluaskan zon ekonomi eksklusif dari Batu Puteh dan langkah-langkah yang patut diambil oleh Kerajaan untuk menentang tuntutan ini."

**(Menteri Luar Negeri)**

39. PR-1213-U14683  
**Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak pihak Kerajaan bagi memperkukuhkan sistem pengangkutan awam yang cekap, tepat, pantas dan murah serta mempunyai satu sistem yang berintegrasi antara satu sama lain. Jaringan pengangkutan tersebut harus diperluas ke seluruh pelosok negara tidak terhad hanya kepada bandar-bandar utama sahaja."

**(Menteri Pengangkutan)**

40. PR-1213-U14684

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak pihak Kerajaan bagi mengurangkan kursus, seminar dan kegiatan pelancongan ke luar negara sebaliknya menggantikan lokasi tersebut ke dalam negara. Ini bagi menjimatkan kos perbelanjaan Kerajaan seterusnya merancakkan industri pelancongan dalam negara yang terjejas teruk akibat kenaikan harga petrol dan barangan keperluan. Ia juga dapat membantu pengusaha-pengusaha yang bergantung pendapatannya dengan kegiatan pelancongan seperti perhotelan, rekreasi dan seumpamanya."

**(Menteri Pelancongan)**

41. PR-1213-U15521

**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasakan Resolusi 62/149 Bangsa- Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap hukuman mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 di mana bersetuju bahawa negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut. "

**(Menteri Luar Negeri)**

42. **Tuan Sivarasa a/l K. Rasiah [ Subang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49(1) kepada YB. Ahli bagi Kawasan Subang untuk mencadangkan suatu Rang Undang-undang Ahli Persendirian bernama Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat 2008."

**(Menteri Dalam Negeri)**

43. **Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengkritik Kerajaan Barisan Nasional menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk menahan pemberita Sin Chew Jit Poh Cik Tan Hoon Cheng, penulis blog Raja Petra Kamaruddin dan Ahli Parlimen Seputeh YB Teresa Kok dalam bulan September tahun ini. Dewan ini juga memegang pendirian bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri merupakan akta yang tidak adil dan bercanggah dengan keadilan sejati (natural justice) dan hak asasi manusia, dan mengambil pendirian bahawa akta ini dimansuhkan."

**(Menteri Dalam Negeri)**